



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA
(Department of Irrigation and Drainage, Malaysia)
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
(Ministry of Natural Resources and Environment)
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50626 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

<http://www.water.gov.my>

Tel: 03-2615 1610

Fax: 03-2697 3014

Email: pro@water.gov.my

Ruj. Kami : (44) dlm PPS. KS 5/7/1/7/4/3

Tarikh : 18 September 2017
27 zulhijah 1438 H

Prof. Dr. Awg Bulgiba bin Awg Mahmud,
Timbalan Naib Canceledor,
Akademik dan Antarabangsa,
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Tel: 03 – 7967 7049
Fax: 03 – 7967 3594

Y. Bhg Prof. Dr.

**IMPLEMENTATION OF PUBLIC OUTREACH PROGRAMME (POP) (PHASE 5)
RIVER OF LIFE (ROL)**

- Permohonan Sokongan Kerjasama Penglibatan Universiti Malaya

Dengan segala hormatnya, perkara di atas serta beberapa siri perbincangan bersama Water Warrior Universiti Malaya dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia sedang melaksanakan "**Public Outreach Programme (POP) Fasa 5 River of Life (ROL)**". Objektif projek ini adalah untuk menjana penambahbaikan sikap serta tingkah laku kumpulan sasaran yang dikenalpasti dalam kawasan projek supaya mereka sentiasa memelihara dan menjaga sungai demi meningkatkan kualiti air serta mengurangkan pencemaran dalam sungai. Ia juga bertujuan mewujudkan perasaan memiliki (*ownership*) sungai demi menjana sikap pemeliharaan sungai secara jangka panjang dan mampan. Institusi pendidikan telah dikenalpasti sebagai kumpulan sasaran utama dalam menjana penambahbaikan sikap serta tingkah laku dalam usaha memelihara dan memulihara sungai.

3. Bagi tujuan di atas, Jabatan ini telah melantik Global Environment Centre (GEC) bagi melaksanakan projek ini selama empat (4) tahun, bermula daripada Disember 2016 hingga Disember 2020. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini amat berharap agar projek yang sedang dilaksanakan ini akan mendapat sokongan dan kerjasama daripada pihak Universiti Malaya.


4. Sekiranya mempunyai sebarang maklumat lanjut, pihak Universiti Malaya boleh menghubungi perunding kami iaitu Dr Kalithasan di talian 010 – 3669772 atau Cik Nur Ili Alia binti Ab Doroh di talian 019 – 4181620. Kerjasama dan perhatian pihak Y. Bhg Prof. Dr. amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“NEGARAKU, ALAM SEKITARKU”

'Warga Berintegriti, Organisasi Berkualiti'

Saya yang menurut perintah,


(Ir. NG KOK SENG)
Pengarah
Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai
Jabatan Pengairan dan Saliran
Malaysia.

s_um_d/hah/widya

s.k :

1. Fail timbul